

# Melayu tentukan maruah sendiri - Tun M

UM - 7/10/2019 m/f 12

■ SHAH ALAM 6 OKT.

**H**ANYA orang Melayu yang boleh mendaulatkan kembali maruah bangsa mereka, setelah harga diri kaum peribumi dan majoriti tersebut dipandang hina, diperkotak-katikan serta dicabuli golongan tertentu.

Bagi mencapai objektif terpenting itu, orang Melayu sendiri terlebih dahulu perlu bersatu, jangan lagi berpecah, berubah sikap dengan mengutamakan pencapaian serta tidak lagi mempersia-siakan setiap peluang yang disediakan kerajaan.

Demikian intipati amanat Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad di hadapan kira-kira 20,000 orang dalam Kongres Maruah Melayu, yang disertai segenap lapisan kaum itu tanpa mengira perbezaan politik di Stadium Malawati hari ini.

Dr. Mahathir yang hadir sebagai pemimpin Melayu menegaskan, kerajaan walaupun



“

Saya nak mengaku di sini bahawa kerajaan walaupun dipimpin oleh orang Melayu (tetapi) tidak sekuat kemelayuannya pada hari ini. Kalau dahulu kita boleh harap, sekarang tidak kuat kerana mahu tidak mahu, kita kena ambil kira perasaan orang lain.”

**DR. MAHATHIR MOHAMAD**

dipimpin oleh orang Melayu, tidak boleh memulihkan maruah Melayu sekiranya kaum itu tidak mahu berusaha untuk mengubah nasib mereka.

“Jangan minta orang lain lakukan sesuatu untuk memulihkan maruah kita. Melayu

sendiri kena pulihkan maruah Melayu. Maruah Melayu bergantung kepada pencapaian kita sendiri. Kalau kita gunakan peluang dengan baik, bekerja dengan baik, tiada siapa boleh jatuhkan maruah kita.

“Kita tidak mahu melakukan

sesuatu kerja itu hanya kerana isu gaji, kerja itu berat, kerja itu kotor dan bahaya menyebabkan kita lepaskan kepada pihak lain. Apakah orang Melayu ini sudah terlalu bacul hingga tak sanggup nak buat semua kerja-kerja ini,” katanya.

Kongres itu turut dihadiri pemimpin Pas diketuai Presidennya, Datuk Seri Abdul Hadi Awang; delegasi UMNO diketuai Setiausaha Agungnya, Tan Sri Annuar Musa; Presiden Amanah, Mohamad Sabu; Timbalan Presiden PKR, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali dan pelbagai pertubuhan bukan kerajaan (NGO).

Berucap di hadapan hadirin yang disifatkannya sebagai Melayu yang sudah 'tersedar' Dr. Mahathir berkata, dari segi politik, walaupun merupakan kaum terbesar tetapi Melayu hilang kuasa kerana berpecah akibat ideologi parti.

Akibat perpecahan itu, jelasnya, orang Melayu terpaksa bergantung kepada orang lain

untuk mendapat sokongan rakyat dan beliau secara terbuka mengakui bahawa elemen kemelayuan dalam kerajaan yang dipimpinnya tidak sekuat kerajaan sebelum ini.

“Saya nak mengaku di sini bahawa kerajaan walaupun dipimpin oleh orang Melayu (tetapi) tidak sekuat kemelayuannya pada hari ini. Kalau dahulu kita boleh harap, sekarang tidak kuat kerana mahu tidak mahu, kita kena ambil kira perasaan orang lain,” katanya.

Sementara itu, dalam sidang akhbar, Dr. Mahathir berkata, Kongres Maruah Melayu bukan rasis atau bermotifkan politik kerana ia hanya membincangkan soal maruah orang Melayu tanpa mengecam kaum-kaum lain.

“Kita hanya mengecam orang Melayu bukannya kaum lain, kita hanya membincangkan soal orang Melayu dan yang hadir pula bukan atas kapasiti politik, kami semua hadir sebagai orang Melayu,” ujarnya.